



جباتن كحاكيمن شرعية مليسيا

DEPARTMENT OF SYARIAH JUDICIARY MALAYSIA
JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH MALAYSIA

Aras 2 & 3, Blok D7, Parcel D,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62677 PUTRAJAYA

TEL: 03-888 64800
FAKS: 03-888 91627

Y.A.A Ketua -Ketua Hakim Syarie,
Mahkamah-mahkamah Syariah
Negeri-negeri

Arahan Amalan No. 14 Tahun 2007

Susunan Waris Yang Bertanggunggan Membayar Nafkah

Saya ingin menarik perhatian Y.A.A kepada keputusan Mesyuarat Arahan Amalan Mahkamah Syariah seluruh Malaysia Bil. 1 Tahun 2007 pada 28hb. hingga 30 Rabiulawwal, 1428H bersamaan 16hb. hingga 18hb. April 2007 di Melaka dan pengesahan Mesyuarat Ketua-Ketua Hakim Syarie Negeri Seluruh Malaysia Kali Ke 42 pada 25 Jamadilawwal, 1428H bersamaan 11 Jun, 2007M telah bersetuju dan mengesahkan untuk menerimapakai arahan amalan berhubung dengan orang-orang yang bertanggunggan mengikut Hukum Syarak yang boleh diperintahkan membayar nafkah bagi seseorang tertentu mengikut peruntukan Undang-undang Keluarga Islam Negeri-negeri ialah waris-waris lelaki mengikut tertib *'asobah* dalam faraid.

2. Sekiranya waris-waris lelaki tiada atau tidak berupaya, Mahkamah boleh memperakukannya kepada Baitulmal untuk membayar nafkah tersebut.

Arahan ini berkuatkuasa mulai 15 Jun 2007.

(Datuk Sheikh Ghazali bin Abdul Rahman)
Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia.
PUTRAJAYA